

Kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak dan kesannya terhadap prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah Kuala Lumpur

Fakrul Hazely Ismail¹, Zulakbal Abd Karim¹ & Novri Ghazali²

¹Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

²Universitas Islam Riau, Pekanbaru, Indonesia

DOI: <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol9.1.6.2020>

Received: 22 January 2020, Accepted: 15 February 2020, Published: 30 June 2020

Cite this paper (APA): Ismail, F. H., Abd Karim, Z., & Ghazali, N. (2020). Kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak dan kesannya terhadap prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah Kuala Lumpur. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 9(1), 47-61. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol9.1.6.2020>

Abstract

Kajian kualitatif berbentuk etnografi ini bertujuan mengkaji tahap kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak dan kesannya terhadap prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Kajian ini dijalankan selama sembilan bulan bermula dari Julai 2018 hingga April 2019. Sebanyak 10 orang jurulatih PLD dari kalangan guru telah terlibat sebagai peserta kajian dan ditemu bual bagi mendapatkan data. Jumlah peserta kajian telah di tentukan oleh tahap "saturation of information" di mana peserta kajian yang di temu bual didapati sudah tidak dapat mengemukakan sesuatu data yang baru berbanding dengan peserta kajian sebelumnya. Data hasil dari temu bual, pemerhatian dan kajian lapangan serta dokumen yang berkaitan telah dianalisis menggunakan kaedah thematic analysis seperti yang telah dicadangkan oleh Patton (2002). Berdasarkan kajian yang dijalankan mendapati tahap kompetensi latihan, kompetensi perlawanan dan kompetensi pengurusan jurulatih dari kalangan guru dapat mempengaruhi prestasi pemain bola sepak PLD di Kuala Lumpur seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pemain bola sepak di Malaysia.

Kata kunci: Etnografi, kompetensi, dwi tugas, prestasi, pemain bola sepak.

Abstract

This ethnographic qualitative study aims to determine the level of competency of teachers as a football coach and the impact on the performance of District Training Center (PLD) football players in Kuala Lumpur. The study was conducted from July 2018 to April 2019. A total of 10 PLD coaches among the teachers were involved in this study and interviewed for data collection. The number of study participants was determined by saturation of information in which the study participants were found to be unable to present any new data compared to the previous study participants. Results from interviews, observations and field studies as well as related documents were analyzed using thematic analysis as suggested by Patton (2002). Based on the study found that the coaches' training competency, match competency and management competency among the teachers can influence the performance of PLD football players in Kuala Lumpur and also can contribute to improve the quality of football players in Malaysia

Keywords: Ethnography, competency, dual task, performance, football player.

PENGENALAN

Bola sepak dianggap sebagai sukan yang paling popular oleh populasi penduduk di dunia (Giulianotti & Robertson, 2005) di mana jumlah pemain bertambah dengan mendadak setiap tahun disamping itu, bola sepak profesional menjadi antara penyumbang utama kepada sektor perniagaan dan ekonomi dunia (Qader, Zaidan, Zaidan, Ali, Kamaluddin & Radzi, 2017). Dianggarkan sebanyak 250 juta orang di seluruh dunia bermain bola sepak sama ada secara profesional, amatur, rekreasi dan juga sebahagian daripada aktiviti fizikal (Goldblatt & Acton, 2010). Menurut Ali dan Talib (2013), bola sepak merupakan sukan yang diminati oleh pelbagai kategori peringkat umur bermula daripada golongan kanak-kanak sehingga golongan dewasa.

Pusat Latihan Daerah (PLD) untuk bola sepak adalah inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama dari Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) di bawah program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS). Pada tahun 2014, Pusat Latihan Daerah (PLD), Sekolah Sukan Negeri (SSN), Sekolah Sukan Malaysia (SSM) dan Akademi Mokhtar Dahari (AMD) telah diletakkan sepenuhnya di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara. Atas dasar ini jugalah jurulatih dari kalangan guru-guru telah dilantik dan dihantar menghadiri kursus kejurulatihan bagi memantapkan ilmu kejurulatihan seterusnya melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti di masa hadapan. Disamping itu juga, peranan guru yang dilantik sebagai jurulatih PLD, SSN, SSM dan AMD ialah melaksanakan sesi latihan sekurang-kurangnya lima kali seminggu sebagai persiapan untuk menghadapi Kejohanan Liga Bola Sepak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kejohanan Bola Sepak MSSM, Liga Bola Sepak PLD dan juga Kejohanan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah Peringkat Negeri dan Daerah. Para jurulatih yang terlibat di bawah program PPNB juga kebanyakannya merupakan guru di sekolah. Menurut Djajadi (2015), guru bukan sahaja bertanggungjawab terhadap tugas hakiki untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah tetapi juga melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan sukan terhadap murid bagi meningkatkan kualiti pendidikan, bekerja secara profesional dan meningkatkan kemampuan secara berterusan.

Guru merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam proses pelaksanaan kurikulum dan program pendidikan sekolah (Ali, Hassan & Jani, 2017). Dalam konteks ini, guru yang terlibat dalam bidang sukan memainkan peranan penting bagi melahirkan insan yang sihat, cergas dan produktif agar dapat memberikan sumbangan kepada kesejahteraan sosial serta pembangunan ekonomi negara (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Guru-guru yang terlibat sebagai jurulatih di sekolah memainkan peranan yang amat penting untuk mengenalpasti dan mengasah bakat pemain-pemain muda di dalam sukan seperti bola sepak sejak peringkat akar umbi seterusnya membawa kepada pencapaian di peringkat yang lebih tinggi, hal ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988) iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual (DPK, 2012). Dalam erti kata lain kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak amat penting bagi mempengaruhi prestasi pemain.

Kompetensi ialah kebijaksanaan individu melakukan sesuatu tugas (Weiss & Kollberg, 2003). Daud Ibrahim (2003) menyatakan bahawa kompetensi bermaksud *competence, proficiency, skilful and skill*. Menurut Siraj dan Ibrahim (2012), kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi atau *personality traits* yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Manakala Beare (2001) pula telah mengenal pasti lima komponen minimum bagi menilai kompetensi guru iaitu kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada sekolah dan sumbangan kepada profesion. Ia berkait rapat dengan tugas atau profesion jurulatih yang unik menggabungkan pelbagai peranan. Jurulatih bertanggungjawab untuk meningkatkan prestasi atlet secara individu mahupun berpasukan (Jones, Armour & Potrac, 2003). Karim (2016) juga berpendapat bahawa jurulatih perlu memainkan peranan penting untuk meningkatkan prestasi individu dan pasukan. Iainya selari dengan pendapat daripada Din, Rashid dan Awang (2015) yang menyatakan jurulatih harus mempunyai kepakaran dalam membantu atlet mencapai kepuasan dan pencapaian dalam pertandingan yang disertai.

Kesimpulannya, jurulatih terutamanya dari kalangan guru merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam memastikan para pemain dapat dilatih untuk mencapai prestasi yang cemerlang disamping membantu pasukan mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian terhadap tahap kompetensi jurulatih dalam kalangan guru dan hubungannya dengan prestasi atlet wajar dijalankan bagi memberi manfaat kepada penyelidik, disamping menyumbang kepada “*new knowledge*” bidang kejurulatihan bola sepak, menambah ilmu pengetahuan kepada para jurulatih dan sebagai panduan kepada PPBN dan juga badan induk yang bertanggungjawab merangka dan melaksanakan kursus kejurulatihan bola sepak seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN).

Latar Belakang Kajian

Kajian berbentuk etnografi guru sebagai jurulatih bola sepak di Pusat Latihan Daerah (PLD) ini memberi gambaran awal kebanyakan guru yang terlibat sebagai jurulatih dianggap tidak mempunyai masalah untuk melatih pasukan bola sepak PLD. Ini kerana mereka sudah biasa dengan situasi pemain-pemain yang terdiri dari kalangan murid-murid sekolah. Penyelidik turut melibatkan diri di dalam sesi latihan secara konsisten sepanjang penyelidikan ini dijalankan dengan mengumpul data melalui temu bual, pemerhatian dan nota lapangan seperti yang dicadangkan oleh Sands (2002). Ia akan dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam bahagian metodologi kajian. Selain itu, penyelidik merujuk beberapa lagi kajian etnografi untuk dijadikan panduan antaranya ialah Curran, Bingham, Richardson dan Parnell (2014) serta Tosa (2015).

Secara amnya, sekolah merupakan salah satu tempat didikan terawal bermain bola sepak dan guru adalah antara individu yang terawal mengajar murid-murid bermain bola sepak (Program Pembangunan Bola Sepak Negara, 2014). Namun sebagai guru yang menjadi jurulatih bola sepak, semestinya mereka memiliki dua *jobscope* yang berbeza iaitu guru dan jurulatih bola sepak. Tugas guru di sekolah seperti membuat Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) disamping beberapa tugas lain seperti melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) serta menjadi guru pengiring dan mengelola kejohanan sukan peringkat sekolah bagi guru yang dilantik sebagai setiausaha sukan sekolah (Dasar 1 Murid 1 Sukan, 2011). Tugas sebagai jurulatih pula memerlukan mereka menyediakan rancangan latihan sepanjang tahun mengikut periodisasi latihan seperti yang dicadangkan oleh Bompaa dan Haff (2009) dalam memastikan perancangan dan objektif pasukan tercapai disamping membimbing para pemain dan memastikan pemain secara individu sentiasa cergas dan mencapai tahap permainan yang optimum. Guru yang terbeban dengan dua tugas akan menyebabkan mereka mengalami tekanan dan memberi kesan terhadap prestasi kerja sebagai guru dan jurulatih (Konukman, Agbuğa, Erdoğan, Zorba, Demirhan & Yılmaz, 2010). Senario ini juga berlaku terhadap guru yang terlibat sebagai jurulatih separuh masa Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Sehubungan itu, kajian berkaitan tahap kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak harus dilakukan sebagai panduan kepada guru-guru dan juga jurulatih di luar sana terutamanya yang memiliki dua tugas.

Jika dilihat pencapaian pasukan bola sepak remaja Malaysia di peringkat akar umbi terutamanya pasukan kebangsaan amat baik sekali contohnya pada tahun 2019 ini pasukan Kebangsaan Bawah 17 dan Bawah 19 telah berjaya melayakkan diri secara merit ke Kejohanan Bola Sepak *Asian Football Confederation* (AFC) bagi kategori umur masing-masing (AFC, 2019). Hal ini mungkin boleh dijadikan sebagai bukti peranan mereka sebagai guru dan jurulatih memberi kesan positif terhadap prestasi para pemain. Namun ironinya, prestasi pasukan bola sepak senior kebangsaan seringkali dicemuh berikutan ranking *Fédération Internationale de Football Association* (FIFA) yang semakin menurun. Ranking terbaru yang dikeluarkan oleh FIFA (2019) pada bulan November menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan ke 154 dunia daripada 211 negara yang menjadi ahli gabungan badan induk bola sepak dunia itu. Dengan merudumnya kedudukan ranking bola sepak Malaysia di arena Asia dan dunia di kalangan pemain senior berbanding cemerlangnya kedudukan dan pencapaian pemain remaja seolah-olah tiada kesinambungan dan sudah tentu ada sesuatu yang “tidak kena” di antara kelompok pemain junior dan pemain senior, maka wajarlah dijalankan penyelidikan untuk melihat mengapa ketidaksinambungan

antara pasukan remaja dan senior terjadi. Sebagai jurulatih dari kalangan guru yang melatih pemain PLD, semestinya tugas meningkatkan prestasi pemain adalah di bawah tanggungjawab jurulatih tersebut. Dengan kompetensi yang dimiliki oleh jurulatih dari kalangan guru, tidak hairanlah prestasi pemain remaja kebangsaan lebih baik berbanding pasukan senior.

Sehubungan itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis kompetensi dan meninjau sejauh mana tahap kompetensi jurulatih Pusat Latihan Daerah (PLD) dari kalangan guru memberi kesan terhadap prestasi pemain. Adakah amalan kompetensi guru ini menjadi penyumbang kepada prestasi sebenar pasukan bola sepak kebangsaan terutamanya pasukan senior.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah mengenal pasti sejauh mana tahap kompetensi jurulatih dari kalangan guru dapat memberi kesan terhadap prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Selain itu antara objektif spesifik dalam kajian ini adalah:

- i. Mengetahui apakah jenis-jenis tahap kompetensi sedia ada jurulatih bola sepak dari kalangan guru PLD di Kuala Lumpur.
- ii. Mengetahui isu, cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh guru PLD serta kompetensi di padang kerana memikul dua tanggungjawab sebagai guru dan jurulatih pada masa yang sama.
- iii. Mengetahui kompetensi pendekatan proses kejurulatihan yang sering digunakan sebagai amalan lazim para jurulatih PLD dari kalangan guru.
- iv. Menentukan sama ada tahap kompetensi jurulatih dalam kalangan guru PLD mampu mempengaruhi prestasi pemain bola sepak PLD.
- v. Menghasilkan satu model tahap kompetensi guru sebagai jurulatih yang ideal untuk PLD.

Sorotan Literatur

Pemahaman umum yang berkaitan dengan kompetensi guru terbahagi kepada tiga bidang utama iaitu kompetensi lapangan, kompetensi pedagogi dan pedagogi budaya (Selvi, 2010). Prinsip asas model kompetensi di dalam Laporan Jemaah Nazir Sekolah (JNS, 2003) menjelaskan bahawa prestasi seseorang penjawat awam akan meningkat sekiranya mempunyai dan memenuhi semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandangnya. Bagi profesion perguruan pula, kompetensi guru dikaitkan dengan elemen yang terdiri daripada personal, profesional dan sosial contohnya aspek pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran untuk diadaptasi dalam komuniti (JNS, 2003).

Menurut Laios, (2018) jurulatih harus mempunyai tahap kompetensi yang tinggi. Laios (2018) turut menyatakan bahawa kompetensi merupakan asas kepercayaan antara jurulatih dan atlet. Terdapat juga penilaian kompetensi terhadap para jurulatih seperti kajian yang telah dilakukan oleh Santos, Mesquita, Graça dan Rosado (2010) yang mendapati persepsi kompetensi jurulatih dipengaruhi oleh tiga aspek utama kompetensi iaitu kompetensi yang berkaitan dengan perancangan program latihan tahunan dan kepelbagaian, kompetensi terhadap latihan dan pertandingan serta kompetensi pendidikan kejurulatihan. Santos et al. (2010), pula menyatakan persepsi jurulatih dipengaruhi oleh pengalaman, oleh itu jurulatih yang kurang berpengalaman dianggap berada di tahap kompetensi yang rendah manakala jurulatih yang banyak menghadiri kursus serta latihan terutamanya yang berpendidikan tinggi dalam bidang pendidikan jasmani atau yang berkaitan dianggap mempunyai tahap kompetensi yang tinggi.

Chiu, Mahat, Marzuki dan Khor (2014) telah mengkaji kompetensi jurulatih terhadap atlet dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Dengan menggunakan Skala Kompetensi Jurulatih, hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap kompetensi jurulatih terhadap jantina dan prestasi atlet IPTA tetapi terdapat perbezaan ketara terhadap jenis sukan, antara sukan berpasukan dan sukan individu. Menurut Chiu et al. (2014), kebimbangan mengenai tahap kompetensi di kalangan jurulatih merupakan perkara yang biasa di negara-negara maju dalam bidang sukan seperti Amerika Syarikat, Jerman dan Australia. Chiu et al. (2014), turut menambah negara-negara Asia seperti China, Jepun dan Korea Selatan perlu dijadikan contoh kerana pencapaian mereka melahirkan atlet bertaraf dunia walaupun kebanyakan jurulatih negara tersebut merupakan jurulatih tempatan. Ini membuktikan jurulatih tempatan dari China, Jepun dan Korea Selatan mempunyai tahap kompetensi yang baik. Secara tidak langsung ia dapat dijadikan panduan kepada penyelidik menjalankan kajian berkaitan tahap kompetensi jurulatih dari kalangan guru.

Jurulatih yang baik, berwibawa dan berkualiti adalah penting bagi melahirkan seseorang atlet yang cemerlang dalam acara masing-masing (Ling, Soh, Talib & Yusof, 2017). Tugasan yang dilakukan oleh jurulatih berkaitan dengan penyediaan atlet merangkumi aspek fizikal, teknikal, taktikal dan psikologi yang memerlukan interaksi dengan para atlet, ibu bapa dan juga penolong jurulatih (Moen & Federici, 2013; Hrzenjak, Balent, Cvijanović & Jozić, 2017).

Kajian etnografi yang melibatkan sukan, atlet dan acara dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk terlibat sebagai peserta malahan juga sebagai pemantau dalam kelompok budaya tersebut. Kajian etnografi yang telah dijalankan oleh penyelidik lepas berkaitan papan luncur (Moore, 2009), luncur air (Sands, 2002), luncur ais (Anderson, 2001), ragbi (Howe, 2001) dan beberapa lagi kajian berkaitan etnografi dalam sukan amat berkesan dalam membangunkan asas kajian baru kepada para pengkaji. Curi (2008) telah menjalankan penyelidikan dengan menggunakan pendekatan etnografi terhadap budaya penyokong bola sepak Piala Dunia 2006 di Jerman. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa para penyokong Brazil yang bertandang ke Jerman berpuas hati dengan tahap pasukan mereka dan kemudahan yang disediakan oleh penganjur sepanjang kejohanan itu berlangsung. Berdasarkan penyelidikan tersebut, dapat dilihat bahawa pendekatan etnografi sesuai digunakan untuk melihat budaya sesuatu kumpulan manusia.

METODOLOGI KAJIAN

Untuk memenuhi tujuan kajian ini bagi mengetahui sejauh mana tahap kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak dapat mempengaruhi prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur, maka kaedah kajian berbentuk kualitatif digunakan dalam kajian ini. Penggunaan pendekatan etnografi dalam kajian ini adalah seperti yang dicadangkan oleh Sands (2002) iaitu melibatkan diri secara langsung di dalam sesi latihan disamping mendapatkan data melalui temu bual, pemerhatian dan menulis nota lapangan. Seramai 10 orang jurulatih PLD dari kalangan guru telah terlibat sebagai peserta kajian dan ditemu bual secara *in-depth* bagi mendapatkan data. Sesi temu bual berlangsung selama 30 minit hingga 60 minit menggunakan perakam suara. Jumlah peserta kajian telah ditentukan oleh tahap "*saturation of information*" di mana peserta kajian yang di temu bual didapati sudah tidak dapat mengemukakan sesuatu data yang baru berbanding dengan peserta kajian sebelumnya.

Penyelidik juga mendapatkan data melalui pemerhatian dan nota lapangan selaras dengan pernyataan Creswell (1994) dan Lebar (2017) iaitu penyelidik bertindak sebagai instrumen di dalam kajian kualitatif. Data yang telah diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah *thematic analysis* seperti yang telah dicadangkan oleh Patton (2002). Menurut Braun dan Clark (2006), *thematic analysis* merupakan kaedah di dalam kajian kualitatif yang menerangkan, menganalisa serta melaporkan tema dalam data. Antara kajian yang menggunakan kaedah etnografi Sands (2002), Patton (1990) dan Patton (2002) ialah Cushion (2001), Winchester, Culver dan Camire' (2012), Djajadi (2015) serta Karim, Ghafar dan Nadzalan (2018).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data yang telah dianalisis menggunakan kaedah *thematic analysis* mengikut prosedur yang dicadangkan oleh Patton (2002) dibahagikan kepada dua fasa. Pada fasa pertama, data yang diperolehi hasil daripada proses temu bual bersama jurulatih PLD dari kalangan guru telah ditranskrip secara verbatim. Disamping itu juga, data dari pemerhatian dan nota lapangan juga turut dianalisis menggunakan kaedah yang sama. Fasa kedua analisis ialah mencipta kategori dan mencari tema (Patton, 2002; Braun & Clarke, 2006; Alhojailan, 2012). Terdapat dua tema utama yang telah muncul (*emerged*) dari analisis tersebut iaitu cabaran dan kompetensi. Di bawah dua tema utama tersebut kemudiannya terdapat beberapa sub tema seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.

CABARAN			KOMPETENSI		
Beban Tugas	Prestasi	Pendidikan	Latihan	Perlawanan	Pengurusan
Tugasan Hakiki-Guru Pengiring Pentaksir Peperiksaan Awam Mesyuarat Menyambung Pelajaran	Kritikan Elaun Kemudahan Latihan/Dana DNA Bola Sepak Kualiti Masa Dengan Keluarga	Peluang Persaingan Dengan Bekas Pemain	Periodisasi Program Latihan Modul Latihan Pedagogi Kaedah Sains Sukan Sukan Spesifik Penilaian Pemerhatian	Teknologi (Analisis Video) Percaturan Taktikal Membuat Keputusan Penilaian	Masa (Dwi Tugas/Keluarga) Psikologi (Emosi/Kerohanian) Sumber Manusia
LALUAN PEMBANGUNAN KERJAYA					
1. Kursus Sains Sukan/Lesen Awalan/Lesen C/ 2. Lesen B/Kejohanan Bola Sepak MSSM/Liga Bola Sepak KPM 3. Lesen A/Jurulatih Profesional/Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Asia					

Jadual 1. Pemilihan Tema Utama

CABARAN

Sesuai dengan objektif kajian ini dijalankan, antara tema utama adalah cabaran. Cabaran yang dihadapi oleh jurulatih dari kalangan guru yang terlibat dalam kajian ini bukan sahaja memberi kesan terhadap diri mereka sendiri malah turut memberi kesan terhadap prestasi pemain. Melalui analisis data yang diperolehi, terdapat tiga sub tema peringkat awal di bawah tema cabaran iaitu beban tugas, prestasi dan pendidikan kejurulatihan. Dapatan ini membuktikan bahawa ia selari dengan pendapat Keong, Ghani & Abdullah (2018) iaitu profesion perguruan merupakan satu bidang yang banyak berhadapan dengan tekanan kerana bidang ini merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang mencabar. Keong et al., (2018) turut menambah guru bukan sahaja melakukan tugas hakiki seperti mengajar tetapi kerja-kerja pengkeranian turut dilakukan oleh guru yang akhirnya menyebabkan guru tertekan jika stres tidak dikawal dengan baik.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan mendapati cabang di bawah sub tema prestasi ialah kritikan, elaun, kemudahan latihan/dana, dana bola sepak Malaysia dan kualiti masa bersama keluarga. Cabang sub tema ini merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh jurulatih dari kalangan guru bagi meningkatkan prestasi pemain dan juga pasukan. Apabila jurulatih berada di bawah tekanan, sudah tentu ia akan mempengaruhi serta menjejaskan prestasi pemain. Ia selari dengan pernyataan Karim (2016), jurulatih seringkali tertekan kerana menjadi perhatian umum. Selain itu, jurulatih bola sepak sering berdepan dengan pelbagai cabaran dan tekanan seperti jadual yang padat, komitmen yang tinggi, bebanan kerja yang banyak tekanan untuk menang dalam perlawanan disamping mengelak dari kekalahan (Karim, 2016; Karim & Nadzalan, 2017). Dixon, Turner dan Gilman (2016) turut menyatakan bidang kejurulatihan merupakan aktiviti yang penuh dengan tekanan sama seperti yang dinyatakan oleh salah seorang peserta kajian J3,



“Ya kadang-kadang saya berasa tertekan kerana pagi bertugas sebagai guru sampai pukul 2.30, waktu petang sebagai jurulatih manakala malam sebagai warden. Dari segi pengurusan masa agak kelam kabut dan masa bersama keluarga agak kurang. Saya rasa seperti bekerja 24 jam”.

Pendapat J3 turut disokong oleh peserta kajian J7 yang menyatakan, “Selepas menjadi jurulatih PLD (Pusat Latihan Daerah), masa tu sangat *pack* terutama pada hujung minggu”. Kajian Karim, Razak dan Nadzalan (2018) melaporkan pendidikan kejurulatihan merupakan salah satu isu yang dibangkitkan oleh jurulatih-jurulatih di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) yang terlibat sebagai peserta kajian. Isu tersebut berkaitan kursus kejurulatihan di mana peluang menghadiri kursus kejurulatihan peringkat tertinggi amat terhad kerana yuran kursus yang agak mahal. Karim et al., (2018) dalam kajiannya turut menambah selain daripada isu peluang menghadiri kursus kejurulatihan yang terhad, jurulatih yang terlibat juga perlu bersaing dengan bekas-bekas pemain yang rata-rata mempunyai peluang yang lebih cerah untuk menjadi jurulatih di peringkat yang lebih tinggi. Pernyataan ini sama seperti peserta kajian J4,

“Pertama beberapa pihak memandang jurulatih dikalangan guru ini hanya sesuai jadi jurulatih peringkat sekolah sahaja. Seterusnya persaingan dari bekas-bekas pemain yang banyak mengambil kursus kejurulatihan selepas bersara. Memang ada pro dan kontra sebenarnya. Disamping itu juga badan yang bertanggungjawab seperti FAM dan Persatuan Jurulatih Bola Sepak Kebangsaan lebih mengutamakan bekas-bekas pemain. Ini menyebabkan guru tidak mempunyai peluang menjadi jurulatih profesional Liga Malaysia”.

Malah, di dalam kajian Jannat dan Mea (2014) turut menyatakan bahawa jurulatih yang berpengalaman sebagai bekas pemain di peringkat tertinggi dan mempunyai kelayakan bidang kejurulatihan tertinggi boleh menunjukkan keberkesanan membimbing atlet mencapai prestasi yang terbaik.

Oleh itu cabaran seperti tugas hakiki, prestasi dan juga pendidikan kejurulatihan yang dihadapi oleh jurulatih dari kalangan guru sememangnya mempengaruhi prestasi kerja sama ada di sekolah mahupun di padang. Sokongan dari pelbagai pihak amat penting bagi mengurangkan tekanan akibat dari cabaran yang dihadapi oleh jurulatih dari kalangan guru.

KOMPETENSI

Winchester et. al., (2012) menunjukkan sebilangan besar jurulatih dari kalangan guru sekolah tinggi di Ontario, Kanada pernah menghadiri kursus kejurulatihan. Ianya bertujuan bagi meningkatkan kompetensi khusus terhadap sesuatu sukan. Walau bagaimanapun menurut Winchester et al. (2012), keadaan ini turut dipengaruhi oleh latar belakang sukan yang diceburi contohnya guru yang mempunyai latar belakang bola sepak menghadiri kursus kejurulatihan sukan tersebut. Melalui analisis data yang diperolehi mendapati tema kompetensi terbahagi kepada tiga sub tema iaitu kompetensi latihan, perlawanan dan pengurusan.

Cabang di bawah sub tema kompetensi latihan ialah periodisasi, program latihan, modul latihan, pedagogi, kaedah sains sukan, sukan spesifik, penilaian dan pemerhatian. Mengendalikan sesi latihan merupakan salah satu kaedah penting bagi meningkatkan prestasi pemain. Periodisasi ialah proses pembahagian pelan latihan kepada beberapa fasa latihan. Menurut Naclerio, Moody dan Chapman (2013), periodisasi ditakrifkan sebagai perancangan kaedah dan penstrukturan proses latihan yang melibatkan turutan pelbagai pemboleh ubah latihan iaitu intensiti, kadar, kekerapan, pemulihan dan sesi latihan. Ianya bertujuan untuk mencapai tahap prestasi yang terbaik pada masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian J1,



“Untuk makluman, sesi latihan yang dijalankan adalah mengikut periodisasi tahunan. Periodisasi sangat penting bagi memastikan pemain sentiasa bersedia dari segi mental dan fizikal. Kita tak nak pemain burn out dan memberi kesan terhadap prestasi mereka. Jadi perancangan yang rapi adalah sangat penting”.

Selain itu penyelidik turut menulis nota lapangan semasa jurulatih PLD melakukan penilaian semasa sesi latihan seperti di bawah.

Tarikh: 23/10/2018

Tempat: PLD Pudu (SMK Cochrane Perkasa)

Masa: 3.00-5.00 Petang

Sesi latihan hari ini turut dinilai oleh jurulatih PLD. Tujuan penilaian diadakan adalah untuk memastikan setiap pemain menunjukkan peningkatan prestasi terutamanya melibatkan kemahiran asas bola sepak. Hanya pemain bawah 15 dan 17 tahun sahaja yang terlibat di dalam sesi ini. Pemain bawah 13 tahun PLD Pudu berlatih pada waktu pagi kerana pemain bersekolah pada sesi petang. Pemain dibahagikan dalam empat kumpulan untuk memudahkan jurulatih melakukan penilaian prestasi. Borang penilaian pemain dari Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) digunakan untuk menilai kemahiran pemain. Jurulatih mengambil masa selama sejam lima belas minit melakukan penilaian.

Santos et. al. (2010) menyatakan tiga kompetensi utama yang ada pada jurulatih yang kompeten iaitu kompetensi yang berkaitan dengan perancangan tahunan serta kepelbagaian, kompetensi yang berkaitan dengan orientasi ke arah amalan dan juga persaingan dan yang terakhir ialah kompetensi yang berkaitan dengan keperibadian dan pendidikan kejurulatihan.

Sub tema kompetensi yang berikutnya ialah kompetensi perlawanan/pertandingan. Cabang di bawah sub tema kompetensi perlawanan/pertandingan yang telah dikenal pasti ialah teknologi, percaturan taktikal, membuat keputusan dan penilaian. Di dalam era bola sepak moden, kebanyakan jurulatih menggunakan teknologi terkini seperti analisis perlawanan, video atau data pasukan lawan yang merangkumi taktikal, corak permainan, kekuatan dan kelemahan sebagai persediaan menghadapi sesuatu pertandingan. Ia selaras dengan pernyataan Sucipto, Mutohir dan Sudijandoko (2017) yang menyatakan profesion jurulatih bukan sahaja memerlukan pemahaman berkaitan dengan strategi permainan, teknik mengajar, motivasi serta pembinaan karektor atlet malah pengetahuan sains dan teknologi juga penting dalam memastikan atlet mencapai tahap prestasi terbaik sama seperti pernyataan peserta kajian J8,

*“Bila kita dah start rakam perlawanan memang kita akan nampak kekuatan dan kelemahan pasukan dengan lebih jelas. So setiap kali habis perlawanan saya akan tengok balik video tu dan akan catat kelemahan pasukan yang perlu diperbaiki. Kemudian saya akan buat sesi *post-mortem* bersama para pemain. Saya akan terangkan kepada pemain apa yang patut diperbaiki untuk *game* seterusnya”.*

Sub tema kompetensi yang terakhir ialah kompetensi pengurusan yang terbahagi kepada masa, psikologi dan sumber manusia. Berdasarkan kajian Afyon, Bayansalduz, Boyaci dan Yildiz (2014) mendapati jurulatih bola sepak yang berpengalaman mempunyai tahap kompetensi dalam bidang pentadbiran yang lebih baik berbanding jurulatih yang lain. Kompetensi merancang dan mentadbir apa yang dirancang merupakan salah satu komponen penting yang perlu dimiliki oleh seseorang terutamanya yang bergelar seorang jurulatih dari kalangan guru untuk tampil berdaya saing (Wahid, Ahmad, Hadi, Samsudin & Othman, 2014). Gaya kepimpinan kejurulatihan yang betul penting bagi memastikan keberkesanan mengawal dan menguruskan atlet dan pasukan serta memberi impak kepada prestasi atlet dan juga pasukan (Karim & Ismail, 2019). Seorang guru sememangnya mempunyai pelbagai tugasan seperti

mengajar, menjadi guru pengiring, guru kelas dan beberapa tugas hakiki selain melatih pasukan bola sepak. Namun begitu, dengan kompetensi pengurusan masa yang ada pada jurulatih dari kalangan guru sudah tentu mereka dapat menjalankan dua tugas serentak sama seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian J1,

“Saya membahagi masa dengan baik bagi menyiapkan setiap tugas hakiki di sekolah dalam erti kata lain menggunakan konsep work smart. Saya menyediakan senarai semak bagi memudahkan saya melakukan dua tugas yang berbeza. Kalau tak buat senarai semak rasanya tak siap la tugas di sekolah”.

Chiu et al., (2014) di dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan yang sederhana antara kompetensi jurulatih sukan dan motivasi pencapaian atlet dari kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, kompetensi motivasi jurulatih merupakan penyumbang yang signifikan kepada motivasi pencapaian sukan atlet dari kalangan pelajar. Penekanan terhadap kemahiran interpersonal adalah penting untuk jurulatih terutamanya bagi meningkatkan prestasi pemain disamping memastikan kejayaan sesebuah pasukan (Côté & Sedgwick, 2003; Potrac & Purdy, 2004; Bennie & O’Connor, 2012). Sebagai contoh, peserta kajian J4 menyatakan,

“Bagi saya paling penting adalah hubungan interpersonal antara jurulatih dan pemain. Untuk melahirkan pemain yang berkualiti bukan setakat komitmen latihan sahaja yang kita nak tapi hubungan interpersonal jurulatih dan pemain kerana tak menjadi masalah kepada pemain untuk berlatih dengan jurulatih tersebut disamping hubungan yang rapat antara jurulatih dan pemain. Secara tak langsung mereka akan bermain bersungguh-sungguh”.

Laluan Pembangunan Kerjaya

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, didapati bahawa kebanyakan jurulatih Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur yang terlibat sebagai peserta kajian berjaya mencapai peningkatan kerjaya sebagai jurulatih iaitu diberi kepercayaan mengemudi pasukan bola sepak Kuala Lumpur ke kejohanan bola sepak peringkat kebangsaan seperti Kejohanan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Liga Bola Sepak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kejohanan Bola Sepak Piala Presiden dan Pusingan Kelayakan Liga Futsal Kebangsaan. Ada juga dikalangan jurulatih yang terlibat berjaya menjadi jurulatih pasukan remaja kebangsaan dan telah melahirkan beberapa pemain yang berjaya mewakili pasukan yang bertanding di dalam Liga Super dan Liga Premier Malaysia serta mewakili negara di Kejohanan Bola Sepak *Asian Football Confederation* (AFC) dan Sukan SEA. Jurulatih PLD yang terlibat juga turut ditawarkan mengikuti kursus kejurulatihan ke peringkat lebih tinggi seperti Kursus Awalan Bola Sepak/Lesen D, Lesen C, dan Lesen B. Walau bagaimanapun tiada seorang jurulatih PLD yang mempunyai Lesen A.

Walaupun dibebani tugas hakiki sebagai guru, jurulatih dari kalangan guru berjaya membuktikan bahawa beban tugas bukan halangan untuk mereka melahirkan bintang bola sepak masa hadapan. Dengan pengalaman yang sedia ada sebagai bekas pemain ditambah pula dengan ilmu pedagogi sebagai guru serta kehadiran di dalam kursus-kursus kejurulatihan, jurulatih dapat memastikan pemain mencapai prestasi terbaik semasa perlawanan mahupun pertandingan. Selaras dengan Nash dan Sproule (2009) yang menyatakan, pengalaman merupakan elemen yang sangat penting dalam proses kejurulatihan. Ia membolehkan jurulatih mentafsir amalan kejurulatihan mereka dan mengembangkan ilmu melalui persekitaran pembelajaran yang sebenar. Justeru itu, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Myers, Feltz, Maier, Wolfe dan Reckase (2013) menunjukkan jurulatih yang berjaya meningkatkan prestasi pemain semestinya mempunyai tahap kompetensi yang baik. Menurut J1,

“Alhamdulillah dengan kaedah latihan asas penjaga gol seperti handling dan footwork yang dilakukan, saya telah melahirkan beberapa penjaga gol dalam Liga Malaysia antaranya Haziq Nazli yang bermain untuk JDT, Abdul Ghafur UKM FC dan yang terbaru Azfar UiTM FC. Dengan pengalaman yang sedia ada saya olahkan latihan bagi mendapatkan hasil yang baik”.


Disamping itu, peserta kajian J9 menyatakan,

“Saya membuat program latihan mengikut kemampuan pemain yang saya ada. Pertama sekali saya kena kenal pasti kekuatan dan kelemahan pemain yang ada. Bila dah kenal pasti mudah bagi saya untuk melaksanakan program. Kalau pemain lemah dari segi kawalan bola, kita kena fokus untuk dia improve teknik tersebut. Selain dari latihan yang disebutkan saya akan banyakkkan perlawanan persahabatan untuk memberi peluang kepada pemain menunjukkan peningkatan prestasi. Alhamdulillah dengan program latihan yang saya dah buat, ada beberapa pemain saya terpilih mewakili negeri”.

Model kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak dan kesannya terhadap prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur

Model ini dihasilkan melalui data yang muncul (*emerged*) dan dianalisis menggunakan kaedah *thematic analysis*. Kajian ini selaras dengan *Model of Direction of Career Development Path by National Football Development Plan Coaching Program* (Karim, Razak & Nadzalan, 2018) dan *A Competence Executive Coaching Model* (Koortzen, 2010) yang memberi penekanan tentang kompetensi, prestasi dan laluan kerjaya. Hal ini menyokong dapatan daripada Sucipto et al. (2017) yang menyatakan kompetensi jurulatih boleh memberi kesan positif kepada prestasi atlet, tingkah laku, psikologi dan emosi. Terdapat dua tema utama yang telah muncul (*emerged*) dari analisis tersebut iaitu cabaran dan kompetensi. Di bawah dua tema utama terdapat beberapa sub tema seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.

Rajah 1. Model Kompetensi Guru Sebagai Jurulatih Bola Sepak Dan Kesannya Terhadap Prestasi Pemain Bola Sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur.



RUMUSAN

Kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana tahap kompetensi jurulatih dari kalangan guru dan kesannya terhadap prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur. Berdasarkan kajian etnografi yang dijalankan, penyelidik mendapati tahap kompetensi jurulatih dari kalangan guru dapat mempengaruhi serta memberi kesan terhadap prestasi pemain bola sepak PLD di Kuala Lumpur seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pemain bola sepak di Malaysia. Model Kompetensi Guru Sebagai Jurulatih Bola Sepak Dan Kesannya Terhadap Prestasi Pemain Bola Sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) di Kuala Lumpur boleh dijadikan panduan bagi jurulatih dari kalangan guru untuk bekerja dengan lebih proktif.

Rujukan

- Ali, A., & Talib, M. (2013). *Siri sukan popular bola sepak*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Ali, S. K. S., Hassan, M. Z. C., & Jani, J. (2017). Efikasi sendiri guru pendidikan jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran pendidikan jasmani. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3), 43-51.
- Afyon, Y. A., Bayansaldaz, M., Boyaci, A., & Yildiz, M. (2014). Examination of administrative competence levels of football coaches. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 152, 752-755.
- Anderson, E. (2001). Urban ethnography. In *Workshop on scientific foundations of qualitative research* (p. 33).
- Alhojailan, M. I. (2012). Thematic analysis: A critical review of its process and evaluation. *West East Journal of Social Sciences*, 1(1), 39-47.
- Bompa, T. O., & Haff, G. G. (2009). *Periodization: Theory and methodology of training*. [5-th Edition]. Champaign, IL, USA: Human Kinetics.

- Beare, H. (2001). *Creating a future school: Student outcomes and the reform of education*. London: Routledge Falmer.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.
- Bennie, A., & O'Connor, D. (2012). Coach-athlete relationships: A qualitative study of professional sport teams in Australia. *International Journal of Sport and Health Science*, 201208.
- Curran, K., Bingham, D. D., Richardson, D., & Parnell, D. (2014). Ethnographic engagement from within a Football in the Community programme at an English Premier League football club. *Soccer & Society*, 15(6), 934-950.
- Curi, M. (2008). Samba, girls and party: who were the Brazilian soccer fans at a World Cup? An ethnography of the 2006 World Cup in Germany. *Soccer & Society*, 9(1), 111-134.
- Cushion, C. (2001). *The coaching process in professional youth football: An ethnography of practice* (Doctoral dissertation, Brunel University School of Sport and Education PhD Theses).
- Chiu, L. K., Mahat, N. I., Marzuki, N. A., & Hua, K. P. (2014). Student-Athletes' Evaluation of Coaches' Coaching Competencies and Their Sport Achievement Motivation. *Rev. Eur. Stud.*, 6, 17.
- Creswell, J. W. (1994). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. Thousands Oaks, CA: Sage.
- Cote, J., & Sedgwick, W. A. (2003). Effective behaviors of expert rowing coaches: A qualitative investigation of Canadian athletes and coaches. *International sports journal*, 7(1), 62.
- Djajadi, M. (2015). *Proses pembelajaran berterusan dalam peningkatan kompetensi guru fizik di Makassar Indonesia* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Din, A., Abd Rashid, S., & Awang, M. I. (2015). Aspek pengurusan program latihan dan kesannya terhadap kepuasan atlet sekolah sukan. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 22(1), 73-95.
- Dixon, M., Turner, M. J., & Gillman, J. (2017). Examining the relationships between challenge and threat cognitive appraisals and coaching behaviours in football coaches. *Journal of sports sciences*, 35(24), 2446-2452.
- Giulianotti, R., & Robertson, R. (2004). The globalization of football: a study in the glocalization of the 'serious life'. *The British journal of sociology*, 55(4), 545-568.
- Goldblatt, D., & Acton, J., (2010). *The football book: the leagues, the teams, the tactics and the law*. London: Dorling Kindersley.
- Hrženjak, M., Balent, B., Cvijanović, T., & Jozić, M. (2017, January). Construction and validation of scale for evaluating coaching competence. In *8th International Scientific Conference on Kinesiology: 20th anniversary* (pp. 508-511).
- Howe, P. D. (2001). An ethnography of pain and injury in professional rugby union: The case of Pontypridd RFC. *International review for the sociology of sport*, 36(3), 289-303.
- Ibrahim, M. D. (2003). *Basic life skills: Mengelola hidup merencanakan masa depan*. Jakarta: MHMMMD Production.
- Jannat, R. N., & Mea, K. K. (2014). Influence of playing experience and coaching education on coaching efficacy among Malaysian youth coaches. *Age (Years)*, 30(50), 15-5.
- Jemaah Nazir Sekolah. (2003). *Standard Tinggi Kualiti Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jones, R. L., Armour, K. M., & Potrac, P. (2003). Constructing expert knowledge: A case study of a top-level professional soccer coach. *Sport, education and society*, 8(2), 213-229.
- Karim, Z.A., & Ismail, F. H. (2019). Common Coaching Leadership Style and Leadership Practice Differences between Team Athletes in Kuala Lumpur School Sports Council (MSSWPKL). *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*, 9(7), 700-713.
- Karim, Z.A, Ghafar, N. A. A., & Nadzalan, A. M. (2018). The leadership style among football coaches leadership style among teachers in Hulu Langat district: The implications on National Football Development Program (NFDP) in Malaysia. *Sciences*, 8(3), 551-558.
- Karim, Z.A., Abd Razak, A. N., & Nadzalan, A. M. (2018). Designing model of career path development for National Football Development Program (NFDP): directions, issues, challenges and sources of knowledge that influence and develop coaching expertise level. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3).
- Karim, Z.A., & Nadzalan, A. M. (2017). Malaysia football coaches: Development characteristics. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(9), 2222-6990.
- Karim, Z. A. (2016). Malaysian football coaches: The key challenges. *International Journal of Health, Physical Education and Computer Science in Sports*, 24(1), 18-24.
- Keong, C. C., Ghani, M. F. A., & Abdullah, Z. (2018). Cabaran amalan komuniti pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi Malaysia. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 1-14.

- Konukman, F., Agbuğa, B., Erdoğan, Ş., Zorba, E., Demirhan, G., & Yilmaz, I. (2010). Teacher-coach role conflict in school-based physical education in USA: A literature review and suggestions for the future. *Biomedical human kinetics*, 2(1), 19-24.
- Koortzen, P. (2010). A competence executive coaching model. *SA Journal of Industrial Psychology*, 36(1), 1-11.
- Lebar, O. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Laios, A. (2018). The educational system for training coaches in Greece. *International Journal of Educational Management*, Vol. 19 Issue: 6, 500-504. <https://doi.org/10.1108/09513540510617445>.
- Ling, J. C. H., Soh, K. G., Talib, O., & Yusof, A. (2017). Persepsi atlet pelajar: tingkah laku kejurulatihan sukan balapan dan padang. *Malaysian Journal of Movement, Health & Exercise*, 6(2).
- Moen, F., & Federici, R. A. (2013). Coaches' Coaching Competence in Relation to Athletes' Perceived Progress in Elite Sport. *Journal of Education and Learning*, 2(1), 240-252.
- Moore, L. (2009). An ethnographic study of the skateboarding culture. *The Sport Journal*, 12(4).
- Myers, N. D., Feltz, D. L., Maier, K. S., Wolfe, E. W., & Reckase, M. D. (2006). Athletes' evaluations of their head coach's coaching competency. *Research quarterly for exercise and sport*, 77(1), 111-121.
- Nash, C. S., & Sproule, J. (2009). Career development of expert coaches. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 4(1), 121-138.
- Naclerio, F., Moody, J., & Chapman, M. (2013). Applied periodization: a methodological approach. *Journal of Human Sport and Exercise*. Vol. 8, No. 2 (2013). ISSN 1988 5202, pp. 350-366.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*. Thousand Oaks. Cal.: Sage Publications.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. SAGE Publications, inc.
- Potrac, P. & Purdy, L. (2004) *Sports coaching cultures: From practice to theory*. (pp.21-31). London: Routledge.
- Qader, M. A., Zaidan, B. B., Zaidan, A. A., Ali, S. K., Kamaluddin, M. A., & Radzi, W. B. (2017). A methodology for football players selection problem based on multi-measurements criteria analysis. *Measurement*, 111, 38-50.
- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2012*. 07-09 Oktober 2012. The Zon Regency by the Sea Johor Bahru.1-44.
- Santos, S., Mesquita, I., Graça, A., & Rosado, A. (2010). Coaches' perceptions of competence and acknowledgement of training needs related to professional competences. *Journal of sports science & medicine*, 9(1), 62.
- Sands, R., (2002). *Sport Ethnography*. Illinois: Human Kinetics.
- Sucipto, A., Mutohir, T.C., & Sudijandoko, A. (2017). Development of coach competency evaluation instrument of football school. *International Journal of Physical Education, Sports and Health*, 4(2): 106-110
- Selvi, K. (2010). Teachers' competencies. *Cultura International Journal of Philosophy of Culture and Axiology*, 7(1), 167-175.
- Tosa, M. (2015). Sport nationalism in South Korea: An ethnographic study. *Sage Open*, 5(4), 2158244015604691.
- Wahid, H.A., Ahmad, N.L., Hadi, F.S.A., Samsudin, N.S., & Othman, N. (2014). Kompetensi pengurusan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Persidangan Pengurusan Pendidikan dan Kepimpinan Asia Pasifik*, Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia, 1-14.
- Winchester, G., Culver, D., & Camiré, M. (2013). Understanding how Ontario high school teacher-coaches learn to coach. *Physical Education and Sport Pedagogy*, 18(4), 412-426.
- Weiss, T., & Kolberg, S. (2003). *Coaching competencies and corporate leadership*. CRC Press.

Lampiran

Contoh Soalan Temu Bual Penyelidik Ke Atas Peserta Kajian

Soalan
Pengenalan: 1. Berapakah umur anda? 2. Berapa lamakah anda berkecimpung dalam bidang kejurulatihan bola sepak? 3. Berapa lamakah anda terlibat sebagai jurulatih Pusat Latihan Daerah (PLD)? 4. Bagaimanakah anda terlibat dalam bidang kejurulatihan bola sepak sehingga terpilih sebagai jurulatih PLD? Boleh ceritakan serba sedikit latar belakang penglibatan anda? 5. Adakah anda merupakan seorang pemain bola sepak sebelum menjadi jurulatih? Boleh ceritakan serba sedikit latar belakang awak sebagai seorang pemain bola sepak? 6. Siapakah yang mendorong anda untuk terus berkecimpung di dalam dunia kejurulatihan bola sepak? 7. Bagaimanakah anda mempelajari selok belok bidang kejurulatihan sebelum anda menjadi jurulatih PLD? 8. Berapa kali sesi latihan yang diadakan dalam seminggu?
Taraf Pendidikan/Lesen Kejurulatihan: 1. Boleh ceritakan serba sedikit latar belakang pendidikan anda? 2. Apakah lesen kejurulatihan bola sepak yang anda miliki? 3. Apakah kursus kejurulatihan yang telah dihadiri sepanjang menjadi jurulatih PLD? 4. Adakah anda bercadang untuk meneruskan bidang kejurulatihan di peringkat tertinggi?
Cabaran/Bebanan Tugas: 1. Adakah anda memegang jawatan yang penting di sekolah selain menjadi jurulatih? Jika ya, apakah jawatan tersebut? 2. Bagaimanakah anda membahagikan masa melatih pemain PLD dan melakukan tugas hakiki di sekolah terutamanya ketika waktu petang? 3. Selain menjadi jurulatih, adakah anda juga terlibat sebagai penggubal/pemeriksa kertas soalan UPSR, PT3 atau SPM? 4. Adakah anda seorang guru yang mengajar mata pelajaran penting untuk peperiksaan awam seperti UPSR, PT3 dan SPM? Jika ya, mata pelajaran apakah yang anda ajar di sekolah? 5. Pernahkah anda berasa tertekan dengan dua tugas yang anda lakukan iaitu sebagai guru dan jurulatih PLD? 6. Apakah perbezaan yang dapat anda rasakan dari segi bebanan kerja sebelum dan selepas menjadi jurulatih PLD? 7. Adakah anda rasa satu bebanan jika pasukan anda perlu mencapai sasaran tinggi yang telah ditetapkan oleh ketua jurulatih? 8. Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah sekiranya pada masa yang sama anda perlu menyelesaikan tugas sebagai jurulatih dan juga tugas hakiki?
Tahap Kompetensi Guru & Prestasi Pemain 1. Apakah yang anda faham dengan maksud tahap kompetensi guru dapat meningkatkan prestasi pemain? 2. Jenis kompetensi apakah yang dapat meningkatkan prestasi pemain? 3. Teknik latihan apakah yang anda rasa sesuai bagi meningkatkan prestasi pemain? 4. Kaedah latihan apakah yang anda praktikkan bagi meningkatkan prestasi pemain? 5. Apakah kaitan kaedah latihan dengan pencapaian pemain?Buktinya?



6. Adakah tahap kompetensi anda dinilai oleh Ketua Jurulatih Remaja Negeri (KJRN) dan berapa kerapkah anda dinilai dalam sebulan?
7. Apakah kemahiran yang perlu ada pada setiap jurulatih bagi melahirkan pemain yang berkualiti?
8. Adakah anda melakukan penilaian prestasi setiap pemain PLD dalam mengekalkan kualiti pemain yang sedia ada?
9. Bagaimanakah penilaian prestasi pemain dilakukan dan berapa kali ianya dilakukan dalam sebulan?
10. Adakah anda mempunyai perancangan tahunan pasukan dalam memastikan pasukan mencapai tahap prestasi terbaik dalam sesuatu kejohanan yang disertai?
11. Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah sekiranya para pemain sering kali tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam perlawanan persahabatan dan pertandingan yang disertai?
12. Bagaimanakah anda menyelesaikan masalah sekiranya anda sering kali menerima kritikan dari pelbagai pihak seandainya prestasi yang ditunjukkan oleh pasukan anda tidak memuaskan?
13. Adakah setiap rekod latihan dan pertandingan yang disertai didokumentasikan?
14. Adakah anda menulis buku log khusus untuk tugas melatih? Jika ya, berapa lamakah masa yang diperuntukan untuk menulis?
15. Adakah setiap jurulatih PLD diberikan modul latihan oleh pihak PPBN (Program Pembangunan Bola Sepak Negara)?

Lain-Lain

1. Adakah terdapat peluang untuk anda meningkatkan karier kejurulatihan semasa menjadi jurulatih PLD?
2. Adakah jurulatih PLD sentiasa menerima informasi serta perkembangan semasa dalam dunia kejurulatihan bola sepak secara rasmi dari FAM, FA Negeri, MSN, KBS dan sebagainya?
3. Apakah perkara baru yang anda pelajari sepanjang menjadi jurulatih PLD?
4. Adakah anda merasakan menjadi jurulatih PLD merupakan batu loncatan untuk meningkatkan karier kejurulatihan anda?
5. Apakah pembaharuan yang anda ingin lakukan semasa menjadi jurulatih PLD?
6. Adakah anda mampu melahirkan pemain yang berkualiti seterusnya mewakili negara di masa akan datang?
7. Adakah elaun yang dibayar kepada jurulatih PLD setimpal dengan status sebagai jurulatih separuh masa?
8. Di manakah anda melihat diri anda lima tahun akan datang dalam bidang kejurulatihan bola sepak?

✉ Fakrul Hazely Ismail

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Malaysia

Email: fakrul_11@yahoo.com

